

Pukul sampai mati

KOSMO 15/01/2019 M/S 6

Farah Suhaidah Othman
am@hmetro.com.my

Taiping

Angkara cemburu, seorang lelaki sanggup memukul isterinya hingga mati di sebuah rumah di Matang Road, Matang di sini.

Mangsa, Noor Waheedah Abd Wahid, 38, meninggal dunia di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) akibat trauma tumpul di kepala pada jam 9.30 malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Taiping

Asisten Komisioner Mohamad Taib berkata, pihaknya menerima laporan daripada suspek yang berusia 40 tahun pada 9.15 pagi memaklumkan isterinya cedera dan tidak sedarkan diri selepas memukul mangsa.

Katanya, pergaduhan itu dipercayai berlaku pada waktu malam Khamis lalu.

Beliau berkata, susulan keadaan Noor Waheedah

yang tidak sedarkan diri,

mangsa dibawa ke Hospital Taiping dengan ambulans sebelum dirujuk ke HRPB untuk pemeriksaan lanjut pada hari sama.



NOOR Waheedah

“Siasatan awal mendapati punca kejadian dipercayai akibat daripada suspek meningesyaki mangsa mempunyai hubungan rapat dengan lelaki lain.

“Pemeriksaan di HRPB

mendapati mangsa disyaki mengalami pendarahan dalam otak sebelum disahkan meninggal dunia pada jam 9.30 malam semalam (kelmarin),” katanya.

Mohamad berkata, bedah siasat pada pagi semalam mendapati mangsa meninggal dunia disebabkan kecederaan kepala akibat trauma tumpul.

“Susulan kejadian itu, suspek ditahan bagi membantu siasatan dan direman hingga esok (hari ini) untuk siasatan lanjut.

“Bagaimanapun, tempoh sambung reman suspek dijangka dipohon esok (hari ini) untuk siasatan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 302, Kanun Keseksaan,” katanya.

FAKTA
Kes disiasat mengikut
Seksyen 302,
Kanun Keseksaan